**Piagam Pelanggan Jabatan**

1. Setiap pesakit akan diberi rawatan, penjagaan dan pemulihan yang berkualiti di hospital ini.
2. Setiap pesakit yang memerlukan rawatan khusus yang tidak terdapat di hospital ini akan dirujuk ke hospital lain yang sesuai.
3. Setiap pelanggan akan di layan dengan baik, mesra, bertimbang rasa, hormat-menghormati, bersopan santun, jujur dan ikhlas.
4. Setiap pesakit diberi jaminan bahawa sifat-sifat kemuliaannya akan dipelihara semasa menerima rawatan. Segala maklumat mengenai penyakit dan rawatannya akan dirahsiakan dan hanya diberitahu kepada pihak tertentu dengan keizinannya tertakluk kepada undang-undang.
5. Setiap pesakit atau warisnya akan diberi penerangan yang jelas mengenai prosedur dan rawatan yang dicadangkan termasuk risiko dan pilihan yang lain.
6. Setiap pelanggan akan diberi latihan berkualiti dan praktikal bagi memahami kehendak dan keperluan peribadi serta mengikuti kokurikulum / jadual

**Piagam Pelanggan Klinik Pakar**

Kami berjanji :

1. Untuk memberi perkhidmatan secara professional, selamat, mesra, penyayang dan berkualiti.
2. Setiap pelanggan akan diberi perkhidmatan :
   i) 70% pesakit diperiksa oleh Pegawai Perubatan dalam masa 30 minit selepas pendaftaran dan 30% pesakit diperiksa oleh Pegawai Perubatan dalam masa 60 minit selepas pendaftaran.
   ii) Rawatan berbentuk suntikan diberi dalam masa 30 minit setelah kad rawatan dikesan.
3. Pesakit baru diperiksa oleh Pegawai Perubatan / Pakar Psikiatri pada hari yang sama.
4. Kerahsiaan maklumat peribadi, penyakit dan perawatan yang diberikan kepada pesakit adalah dijamin.
5. Kemudahan dan persekitaran yang bersih, selesa dan selamat disediakan.